



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN NOVEMBER 2024

TERENGGANU , 18 NOVEMBER 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**, Ketua Perangkawan Malaysia, dan **YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam**, Naib Canselor UniSZA. Majlis menandatangani MoU ini turut disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua institusi, menjadikan ia MoU ke-25 yang dimeterai DOSM dengan institusi pengajian tinggi.

Kerjasama ini bertujuan memperkuuhkan pembangunan kepakaran dalam bidang statistik, analitik data, serta pendekatan inovatif lain bagi memenuhi keperluan data semasa dan masa hadapan. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah penganalisaan data, penyelidikan perkongsian penemuan baru, dan peningkatan mutu maklumat rasmi yang tertakluk kepada undang-undang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa MoU ini turut menumpukan kepada pembangunan kapasiti insan. Melalui kerjasama ini, pelajar dan kakitangan UniSZA akan mendapat manfaat

melalui latihan praktikal, program peningkatan kemahiran, serta pertukaran kepakaran. Selain itu, kedua-dua pihak juga akan membangunkan modul latihan dan kursus yang berkaitan dengan data dan statistik untuk memperkuuhkan kualiti tenaga kerja masa hadapan.

Dalam konteks pemodenan statistik, beliau turut memaklumkan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan seperti pelancaran kalkulator untuk pengiraan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bagi setiap daerah di seluruh negara yang boleh diakses melalui <https://mypakw.dosm.gov.my/>. DOSM turut menerbitkan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut daerah pentadbiran bagi 2015 hingga 2020 untuk dijadikan rujukan dalam merangka dan menilai pelan pembangunan di peringkat negeri serta daerah dengan lebih berstruktur. Perkongsian data bagi penerbitan tersebut boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my/>.

Kerjasama ini dijangka memberi impak besar kepada pembangunan statistik dan penyelidikan di Malaysia, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi pemacu data dalam era ekonomi digital. Hari ini juga, diadakan Program *Executive Talk - "Data and Statistics: Artificial Intelligence (AI)"* yang disampaikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia bersama Warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menjadi platform untuk warga UniSZA dan DOSM bertukar pandangan mengenai cabaran dan peluang dalam era pendigitalan, serta menjalin hubungan yang lebih erat bagi memperkuuhkan kerjasama dalam bidang inovasi data dan statistik.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

18 November 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MEDIA STATEMENT SIGNING CEREMONY MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA AND UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN NOVEMBER 2024

TERENGGANU, 18th NOVEMBER 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) today formalized a Memorandum of Understanding (MoU) signed by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, and YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Vice-Chancellor of UniSZA. The signing ceremony, witnessed by senior officials from both institutions, marks the 25th MoU signed by DOSM with institutions of higher learning.

This collaboration aims to strengthen expertise development in statistics, data analytics, and other innovative approaches to meet current and future data needs. Areas of cooperation agreed upon include data analysis, collaborative research on new discoveries, and the enhancement of official information quality, subject to legal frameworks.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, highlighted that this MoU also focuses on human capital development. Through this partnership, UniSZA students and staff will benefit from practical training, skill enhancement

programs, and knowledge exchange initiatives. Additionally, both parties will develop training modules and courses related to data and statistics to enhance the quality of the future workforce.

In the context of modernizing statistics, he also mentioned initiatives such as the launch of the calculator for calculating the Basic Standard of Living Expenses (PAKW) for each district nationwide, accessible at <https://mypakw.dosm.gov.my/>. DOSM has also published Gross Domestic Product (GDP) reports by administrative district for 2015 to 2020, serving as a reference for formulating and evaluating structured development plans at state and district levels. Data sharing for these publications can be accessed through the portal <https://open.dosm.gov.my/>.

This collaboration is expected to significantly impact statistical development and research in Malaysia, aligning with the nation's aspirations to be a data-driven leader in the digital economy era. On this day, an Executive Talk program titled "Data and Statistics: Artificial Intelligence (AI)" was delivered by the Chief Statistician of Malaysia to the UniSZA community. This platform facilitated discussions on challenges and opportunities in the digitalization era and fostered closer ties to strengthen collaboration in data and statistical innovation.

Issued by:

**OFFICE OF THE CHIEF STATISTICIAN
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

18 November 2024